

Sikap Toleransi Beragama dalam Kalangan Peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang

Attitudes of Religious Tolerance Among Traders in Mengkuang Titi, Penang

ASMA' MOHAMAD ADIB*, JAFFARY AWANG¹

ABSTRACT

Religious tolerance plays an important role in society today. This is because, without tolerance in every layer of society, understanding and unity between races will not be achieved. The practice of tolerance is not only limited to the young, but it needs to be practiced in every layer of society regardless of race, religion, and culture, including among traders. Since Mengkuang Titi is one of the villages that has many traders from various ethnicities and races, tolerance needs to be practiced so that the traders around the area can establish good relations between traders and customers despite different religions. Thus, this article presents about religious tolerance among traders in Mengkuang Titi, Penang. This study is a quantitative study by distributing questionnaires to the target group. The study sample was selected through a stratified random sample involving 30 traders aged 18 to 70 years. This research questionnaire was constructed using the principle of 'Keep It Short and Simple'. The collected data was analyzed using SPSS 22.0 software descriptively. The results of the study show that the attitude of religious tolerance among traders around the Mengkuang Titi area is at a high level, ie traders have good relationships with customers and traders in the surrounding area who are of different religions and help each other. This shows that the traders around the Mengkuang Titi area live in a peaceful and harmonious situation by practicing a society of tolerance.

Keywords: *Religious tolerance, practice, traders*

PENGENALAN

Malaysia merupakan salah satu negara terdiri dari masyarakat majmuk dan memiliki kepelbagaiannya sosio-budaya serta agama. Ini telah menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang unik serta menjadi perhatian dunia dalam proses pembentukan amalan perpaduan dalam kalangan rakyat yang pelbagai budaya dan kepercayaan. Kepelbagaiannya

¹ **Asma' Mohamad Adib*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: p126127@siswa.ukm.edu.my; **Jaffary Awang** Ph.D., Associate Professor at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: jaffary@ukm.edu.my

agama, bangsa dan kaum di Malaysia ini menjurus kepada masyarakat *ethnocentric* yang menjadikan bangsa asas pengenalan diri (Nur Farhana & et.al, 2020).

Agama adalah sistem kepercayaan yang paling dominan dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana, agama adalah elemen yang berupaya membimbang manusia ke arah hidup yang lebih bertamadun melalui ajaran dan doktrinnya. Kepentingan agama dalam kehidupan manusia ini dapat dilihat melalui pernyataan Harun Yahya yang menegaskan bahawa “*A nation without religion cannot survive*” (Samsudin & Khadijah, 2015). Agama sepatutnya menjadi salah satu instrumen yang mampu mengekalkan keharmonian hubungan antara para penganutnya. Namun, senario pada hari ini menunjukkan sebaliknya, di mana agama menjadi elemen yang mengancam keharmonian sesebuah negara. Pertembungan antara pelbagai agama sepatutnya menambahkan warna-warni dalam kehidupan beragama masyarakat seluruh dunia. Malangnya kini, perbezaan dalam pegangan dan fahaman agama menjadi batu api perpecahan dalam episod pertembungan agama pada hari ini. Hal ini terbukti bilamana munculnya isu mengenai penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian (Anon, 2015), penggunaan pembesar suara untuk mengalunkan azan, majlis ilmu, bacaan al-Quran dan *tarhim* sebelum azan dilaungkan di kawasan perumahan yang didiami oleh penduduk berbilang bangsa dan kaum (Anon, 2014), penghinaan tulisan jawi oleh salah seorang ahli politik Kluang pada tahun 2019 (Nurul Huda, 2019) dan sebagainya.

Ketika membincangkan kehidupan beragama, hubungan sesama penganut berlainan agama harus diberi penekanan. Perbezaan kepercayaan dalam sesebuah agama tidak sepatutnya menjadi unsur yang mendorong kepada perpecahan kaum, bahkan sepatutnya ia memberi ruang kepada perkenalan dan hubungan yang lebih harmoni. Perkara ini dijelaskan dalam kitab suci Al-Quran, surah Al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذِكْرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلٍ لِتَعَارُفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاءُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ (١٣)

(Al-Quran, Al-Hujurat 49:13)

Maksudnya :

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu dapat berkenal-kenalan (beramah mesra antara satu dengan yang lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Nilai baik yang dibawa oleh semua agama sepatutnya mampu mengukuhkan lagi hubungan yang harmoni dalam kehidupan masyarakat beragama. Walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai penganut agama serta mengamalkan budaya yang berbeza, sifat kebersamaan serta rasa cintakan keharmonian dan keamanan perlu ada dalam diri seseorang bagi merealisasikan matlamat perpaduan nasional. Kesepaduan dalam

kalangan majoriti rakyat Malaysia hari ini sebenarnya lahir dari semangat penerimaan dan rasa hormat yang tinggi antara kaum dan agama (Enizahura, 2020). Justeru, keutamaan harus diberi kepada usaha-usaha membina sikap penerimaan diiringi dengan nilai keluhuran budi pekerti dalam masyarakat. Ini adalah kerana keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat akan hanya dapat diwujudkan jika setiap individu mempunyai pemahaman yang baik tentang peranan masing-masing untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam interaksi sehari-hari. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kehidupan masyarakat majmuk, interaksi berlainan agama, bangsa, kaum, ras juga budaya bukanlah satu fenomena yang asing. Catatan sejarah memaparkan bagaimana interaksi sentiasa berlaku sama ada dalam episod interaksi yang positif mahupun sebaliknya. Malaysia terkenal dengan kemajmukan dan menghimpunkan pelbagai bangsa dan agama. Kepelbagaiannya yang wujud membawa kepada suatu keperluan untuk membentuk hubungan yang kukuh demi memastikan keharmonian hidup bermasyarakat terpelihara.

Umum sedia maklum bahawa penduduk Melayu, Cina dan India merupakan antara kaum utama di Semenanjung Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) telah mencatatkan bahawa anggaran peratusan penduduk Melayu di Malaysia pada tahun 2022 adalah sebanyak 69.9%, Cina adalah sebanyak 22.8% dan India adalah sebanyak 6.6%. Berdasarkan kepada taburan penduduk di Malaysia pada tahun 2022 tersebut, dapatlah diketahui bahawa masyarakat Muslim di Malaysia pada tahun tersebut adalah sebanyak 66.9%, manakala masyarakat Bukan Muslim pula adalah sebanyak 29.4% yang mana ia terdiri daripada agama Buddha, Kristian dan Hindu. Berdasarkan kepada taburan penduduk di Mengkuang Titi, Pulau Pinang pada tahun 2022, dapatlah diketahui bahawa masyarakat Muslim di sekitar tahun tersebut adalah sebanyak 75%, manakala masyarakat *Non-Muslim* pula adalah sebanyak 20% yang mana ia terdiri daripada agama Buddha, Kristian dan Hindu (Mohamad Adib, 2023). Jelas di sini bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kepercayaan dalam beragama. Kepelbagaiannya ini akan mengundang banyak perbezaan, dan perbezaan tersebut harus diuruskan dengan baik. Justeru, sikap bertoleransi terhadap agama lain di negara ini amat penting untuk diterapkan di setiap peringkat umur agar konflik antara agama dapat dielakkan. Penerapan sikap toleransi dalam beragama wajar diterapkan dalam diri setiap lapisan masyarakat semenjak dari kecil lagi iaitu ketika di awal persekolahan atau bermula dari rumah. Hal ini demikian kerana, sikap toleransi yang diamalkan sejak dari zaman kemerdekaan lagi masih menjadi kunci utama keharmonian antara kaum ini.

Toleransi dalam beragama merupakan topik yang sering dibincangkan serta diperkatakan dan masih banyak yang ingin diperdebatkan untuk membawa kepada keharmonian dunia (Ahmad Tarmizi & Sarjit 2012). Kajian ini akan menganalisis dan mengkaji tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Ini kerana banyaknya pembangunan bangunan-bangunan, taman perumahan, rumah kedai dan sebagainya berikutnya pembangunan ekonomi yang semakin maju dan pesat di sekitar kawasan tersebut. Toleransi merupakan satu pendekatan

penting dalam konteks interaksi masyarakat majmuk di mana sikap tolak ansur dan saling hormat menghormati merupakan elemen yang utama. Antara gambaran yang boleh diketengahkan dalam menilai wujudnya sikap toleransi ini adalah apabila masyarakat dapat menerima dan menghormati perbezaan yang ada sama ada dari segi budaya, kepercayaan, fikiran atau latar belakang. Toleransi beragama juga bukan suatu hal yang boleh dipandang remeh kerana ia merupakan asas kepada keharmonian negara. Malah, ia juga merupakan antara punca kepada perpecahan dalam masyarakat yang pelbagai kaum, agama dan bangsa jika toleransi itu tidak wujud. Oleh yang demikian, sikap toleransi ini perlu diterapkan di dalam diri setiap peniaga di sekitar kawasan tersebut bagi melahirkan peniaga yang mengamalkan sikap tolak ansur, tolong-menolong dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Sungguhpun peniaga di sekitar kawasan Mengkuang, Pulau Pinang dihiasi dengan perbezaan dari segi bangsa, agama, budaya namun perbezaan tersebut bukanlah satu penghalang dalam mewujudkan suasana harmoni di sekitar kawasan Mengkuang, Pulau Pinang. Tidak dinafikan bahawa dalam setiap perhubungan sudah pasti wujudnya isu dan cabaran daripada pebagai segi seperti dari segi sosial dan politik, ekonomi, penghinaan atau salah faham agama, pengaruh negatif media sosial, dan lain-lain lagi. Namun dalam mendepani isu-isu berbangkit yang melibatkan dua agama berbeza juga memerlukan beberapa pendekatan yang sesuai baik dari segi pengamalan dialog antara agama, aktiviti gotong-royong, aktiviti keramaian, pergerakan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan, penyatuan budaya dan institusi agar hubungan yang terbina dalam kalangan masyarakat sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan harmoni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan pendekatan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada golongan sasaran yang bertujuan untuk mengkaji tahap pengamalan toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Ini kerana, kaedah yang digunakan ini lebih mudah untuk mendapat kerjasama daripada para responden (Mohamad Najib, 1999). Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang peniaga merangkumi Melayu, Cina dan India di sekitar kawasan Mengkuang Titi yang berusia anggaran 18 hingga 70 tahun kerana kriteria yang diperlukan oleh penyelidik ialah seorang yang bergelar peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang dan hampir menyamai nisbah yang ditetapkan oleh penyelidik. Oleh itu, pemilihan sampel bagi kajian ini dilakukan menggunakan kaedah persampelan berstrata di mana sampel ini digunakan kerana populasi di sekitar kawasan Mengkuang Titi tersebut menunjukkan ketidakseimbangan pada ciri-ciri sampel iaitu populasi etnik Melayu, Cina dan India memiliki jumlah yang tidak sama (Creswell, 2014). Pemilihan responden bagi kajian ini adalah ditentukan mengikut nisbah 3:2:1 bagi peniaga Melayu, Cina dan India. Malah, persampelan ini juga lebih sesuai digunakan kerana ia lebih mewakili responden dan mampu menjimatkan masa pengkaji dalam menjayakan kajian ini (Newman & MvNeil, 1998).

Instrumen soal selidik bagi kajian ini dibina dengan menggunakan prinsip ‘*Keep It Short and Simple*’ iaitu dengan mengemukakan soalan-soalan yang ringkas dan mudah difahami oleh semua responden (Siti Marpuah et. al, 2021). Soal selidik yang dikemukakan

oleh penyelidik ini mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A mengandungi data demografi responden. Seterusnya, bahagian B mengandungi data sikap toleransi beragama. Manakala, bahagian C pula mengandungi data tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang dan akhir sekali bahagian D mengandungi data impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Secara umumnya, kesemua bahagian menggunakan skala Likert yang terdiri daripada lima tahap yang mana tahap 1 mewakili tahap paling rendah dan tahap 5 mewakili tahap paling tinggi. Selain itu, Nilai kebolehpercayaan instrumen dapat ditentukan dengan melihat tahap ketepatan dalam item-item yang digunakan dalam instrumen sesuatu kajian dan diuji dengan menggunakan Alpha Cronbach yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0 (Dearana, 2010). Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.7 menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap yang tinggi, berkesan dan boleh diterima. Manakala nilai Alpha Cronbach yang kurang daripada 0.6 pula menunjukkan tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen berada pada tahap yang lemah (Zainudin Awang 2014; Rohana Yusof 2004; Dearana, 2010). Oleh itu, nilai kebolehpercayaan intrumen bagi kajian rintis dan kajian sebenar ini dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Bahagian	Nilai Alpha (α)
Sikap Toleransi Beragama	0.958
Tahap Pengamalan Sikap Toleransi	0.919
Impak Tahap Pengamalan Sikap Toleransi	0.965

Jadual 1: Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Berdasarkan jadual di atas, nilai kebolehpercayaan yang diperolehi menunjukkan bahawa instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi, baik dan efektif. Setelah kesemua data telah dikumpulkan, data tersebut akan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS 22.0 secara deskriptif.

HASIL ANALISIS KAJIAN

Hasil kajian ini akan menentukan demografi responden, sikap toleransi beragama, tahap pengamalan sikap toleransi dalam kalangan responden dan impaknya dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

Analisis Demografi Responden

Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada kalangan peniaga pelbagai etnik di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang telah disoal selidik. Huraian analisis data berdasarkan latar belakang responden iaitu melibatkan aspek jantina, umur, agama, etnik, pendidikan dan status telah dipersembahkan dalam jadual di bawah:

Demografi Responden		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	20	66.7
	Perempuan	10	33.3
Umur	18 – 30 Tahun	4	13.3
	31 – 40 Tahun	9	30.0

	41 – 50 Tahun	9	30.0
	51 – 60 Tahun	7	23.3
	61 – 70 Tahun	1	3.3
Agama	Islam	15	50.0
	Buddha	10	33.3
	Hindu	5	16.7
	Kristian	0	0
Etnik	Melayu	15	50.0
	Cina	10	33.3
	India	5	16.7
Tahap Pendidikan Terakhir	Sekolah Rendah	2	6.6
	Sekolah Menengah	17	56.7
	STPM/Sijil/Diploma/Asasi	6	20.0
	Ijazah Sarjana Muda	5	16.7
	Sarjana/Doktor Falsafah	0	0
Status	Bujang	4	13.3
	Berkahwin	25	83.3
	Duda/Janda/Balu	1	3.3

Jadual 2: Demografi Responden

Berdasarkan jadual di atas, latar belakang responden dalam kajian ini adalah majoritinya daripada etnik Melayu, beragama Islam dan berumur antara 31 hingga 50 tahun. Majoriti responden bagi kajian ini adalah daripada kalangan lelaki berbanding wanita dan kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah menengah, diikuti peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), sijil, diploma atau asasi. Malah, majoriti responden bagi kajian ini juga adalah daripada kalangan yang telah berkahwin. Item-item yang dibangunkan oleh penyelidik sesuai digunakan dalam kajian ini kerana responden kajian terdiri daripada peniaga-peniaga yang berada di kawasan yang padat dengan pelbagai etnik di sekitar kawasan perniagaan dan tempat tinggal mereka.

Analisis Tahap Pengetahuan Sikap Toleransi Beragama

Secara umumnya, toleransi merujuk kepada satu keadaan di mana wujudnya sikap tolak ansur dan saling hormat-menghormati dalam sesebuah masyarakat yang dicirikan dengan perbezaan dalam pelbagai bentuk. Namun begitu, toleransi tidak harus difahami hanya dari sudut menyantuni perbezaan sahaja. Malah ia juga harus merangkumi beberapa aspek lain seperti penerimaan kepada perbezaan, berpegang kepada prinsip-prinsip asas dalam agama serta berupaya memperkasakan nilai-nilai seperti muafakat, *muhibah*, harmoni dan keamanan (Enizahura, 2020). Menurut Abu Bakar (2015), Istilah toleransi dalam konteks sosio-budaya dan agama membawa maksud suatu sikap, tingkah laku atau tindakan yang melarang diskriminasi terhadap sebuah kelompok atau golongan yang berbeza dalam sesebuah masyarakat.

Sikap toleransi boleh diambil kira sebagai satu cara bagi menyelesaikan suatu konflik atau perbalahan dalam sesebuah komuniti mahupun masyarakat yang mempunyai pelbagai perbezaan sama ada dari sudut agama, budaya, etnik ataupun moral. Ini kerana, tidak semua individu mampu menerima suatu perbezaan yang wujud dalam kehidupan

seharian, maka akan wujudlah sikap paksaan dalam diri seseorang individu kepada individu lain yang mampu mewujudkan dan mencetuskan konflik dalam kehidupannya di atas perbezaan tersebut (Mutsalim Khareng & Jaffary Awang, 2014). Malah, toleransi agama juga merupakan asas kepada keharmonian sesebuah negara dan merupakan salah satu punca perpecahan dalam masyarakat berbilang kaum. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan timbulnya pelbagai isu yang melibatkan agama sehingga telah mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia khususnya penganut agama Islam seperti isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian (Mohd Roslan, 2011), isu pasangan remaja Alvin dan Vivian yang menghina Islam (Karmini, 2013), isu meletakkan kepala babi di masjid Rawang dan Sentul, kemelut kuil Sri Mariamman Shah Alam dan sebagainya (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011; Khadijah Muda et. al, 2019). Justeru, konflik antara agama yang berbeza ini dapat dikurangkan dengan meningkatkan tahap toleransi antara agama dalam diri seseorang.

Bertitik tolak kepada kajian ini, sikap toleransi beragama yang dijalankan dalam kajian ini merujuk kepada persepsi peniaga terhadap sikap toleransi beragama dalam pergauluan bersama rakan-rakan peniaga dan pelanggan yang berbeza agama, sikap bantu membantu agama lain serta sikap jujur terhadap pelanggan dan rakan-rakan peniaga yang berlainan agama. Secara keseluruhannya, hasil analisis kajian dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Item	F(%)					Min	Sisihan Piaawai
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Sangat Setuju		
1. Saya bersetuju sikap bantu membantu pelanggan merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77	0.430
2. Saya bersetuju sikap bantu membantu rakan sekerja merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	10 (33.3)	20 (66.7)	4.67	0.479
3. Saya bersetuju sikap bantu membantu peniaga lain merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	11 (36.7)	19 (63.3)	4.63	0.490
4. Saya bersetuju sikap jujur terhadap pelanggan merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407
5. Saya bersetuju sikap tidak menyorokkan barang dagangan merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
6. Saya bersetuju sikap berbuat baik dalam perniagaan merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
7. Saya bersetuju sikap berbual dengan baik merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	4 (13.3)	26 (86.7)	4.87	0.346
8. Saya bersetuju menjaga nama baik antara satu sama lain merupakan salah satu sikap toleransi beragama.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407

9. Saya bersetuju sikap tidak dengki antara satu sama lain merupakan sikap toleransi beragama.	-	-	-	4 (13.3)	26 (86.7)	4.87	0.346
--	---	---	---	-------------	--------------	------	-------

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Sikap Toleransi Beragama

Jadual 3 di atas menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi menjelaskan sembilan item mengenai tahap pengetahuan responden terhadap sikap toleransi beragama. Berdasarkan jadual di atas, kesemua item mengenai pengetahuan responden terhadap sikap toleransi beragama mencapai skor min tertinggi. Item mengenai persepsi peniaga terhadap sikap bantu membantu agama lain (item B7, B8 dan B9) mencapai skor min paling tinggi ($\text{min}=4.87$, $\text{sp}=0.346$; $\text{min}=4.80$, $\text{sp}=0.407$; dan $\text{min}=4.87$, $\text{sp}=0.346$) berbanding sikap jujur terhadap pelanggan dan rakan-rakan peniaga yang berlainan agama (item B4, B5 dan B6) yang mencapai skor ($\text{min}=4.80$, $\text{sp}=0.407$; $\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$ dan $\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$) dan sikap toleransi beragama dalam pergaulan bersama rakan-rakan peniaga dan pelanggan yang berbeza agama (item B1, B2 dan B3) yang mencapai skor ($\text{min}=4.77$, $\text{sp}=0.430$; $\text{min}=4.67$, $\text{sp}=0.479$ dan $\text{min}=4.63$, $\text{sp}=0.490$). Selain itu, jadual di atas menunjukkan bahawa item B7 dan B9 mencapai skor min yang tertinggi ($\text{min}=4.87$, $\text{sp}=0.346$, manakala item B3 pula merupakan item yang mencapai min terendah ($\text{min}=4.63$, $\text{sp}=0.490$) berbanding item-item lain. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden terhadap sikap toleransi beragama adalah pada tahap yang tinggi. Ini bermakna majoriti respon menyedari bahawa sikap toleransi beragama memainkan peranan penting dalam mencapai persefahaman dan perpaduan antara kaum.

Analisis Tahap Pengamalan Sikap Toleransi Beragama dalam Kalangan Peniaga di Sekitar Kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

Menurut Ramli Awang (2003), terdapat dua rukun asas yang menjadi faktor berlakunya toleransi dalam beragama di mana rukun pertama ialah wujudnya perbezaan prinsip yang hendak ditoleransi atau dengan erti kata lain sikap toleransi wujud disebabkan oleh adanya perbezaan. Perbezaan itu juga dapat dilihat dari sudut berbeza nama agama itu sendiri, adanya ilmu perbandingan agama yang wujud di Malaysia serta setiap individu berpegang dan percaya terhadap satu agama sahaja. Manakala, rukun kedua pula ialah bersikap adil dan telus, menghormati, menerima dan bersepakat dalam persamaan. Kedua-dua rukun ini amatlah penting bagi seseorang individu untuk memahami toleransi dengan sebenarnya. Ini kerana, kunci toleransi bukanlah membuang perbezaan yang terdapat dalam sesebuah agama, akan tetapi kunci toleransi ialah keinginan untuk menerima perbezaan dalam sesebuah agama (Anis Malik, 2005).

Pengamalan sikap toleransi bukanlah suatu tindakan yang menjatuhkan martabat seseorang individu sebagai insan yang mulia dan berprinsip. Malah, ia juga bukanlah suatu tindakan asing dari budaya Islam, bahkan ia merupakan cerminan tahap kefahaman seseorang individu terhadap toleransi menurut perspektif Islam kerana sikap toleransi merupakan salah satu sikap yang amat dituntut dalam Islam dan perlu dipupuk ke dalam diri setiap manusia tanpa mengira pangkat, usia dan keturunan. Dalam konteks perniagaan, setiap peniaga perlu mengamalkan sikap toleransi sesama pelanggan dan peniaga yang berlainan agama, bangsa dan budaya. Ini kerana, pengamalan sikap toleransi dalam

kalangan peniaga mampu melahirkan peniaga yang bersaing secara sihat tanpa adanya perasaan iri hati terhadap kejayaan peniaga-peniaga di sekitarnya, mengelakkan daripada berlaku perselisihan faham antara pelanggan dan peniaga dan peniaga sesama peniaga dan sebagainya. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengukur sejauhmana tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang pada bahagian ini. Huraian analisis data terhadap tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Item	F(%)					Min	Sisihan Piawai
	Tidak Pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat Kerap		
1. Saya membantu mengangkat barang yang dibeli oleh pelanggan yang berlainan agama.	-	-	-	11 (36.7)	19 (63.3)	4.63	0.490
2. Saya membantu peniaga-peniaga berlainan agama mengangkat barang jualan.	-	-	-	18 (60.0)	12 (40.0)	4.40	0.498
3. Saya membantu para peniaga berlainan agama dalam perniagaan bagi mlariskan perniagaan mereka.	-	-	-	16 (53.3)	14 (46.7)	4.47	0.507
4. Saya berlaku jujur dalam timbangan kepada para pelanggan tanpa mengira agama.	-	-	-	8 (26.7)	22 (73.3)	4.73	0.450
5. Saya tidak menyorokkan barang dagangan ketika masyarakat memerlukannya dengan tujuan menaikkan harga barang.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407
6. Saya tidak menjual barang dengan harga yang terlalu tinggi daripada harga semasa kepada pelanggan.	-	-	-	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77	0.430
7. Saya sentiasa berbual dengan baik bersama-sama peniaga lain.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
8. Saya tidak memburuk-burukkan peniaga-peniaga lain.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407
9. Saya tidak berasa dengki terhadap kejayaan peniaga-peniaga lain.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407

Jadual 4: Tahap Pengamalan Sikap Toleransi Beragama dalam Kalangan Peniaga di Sekitar Kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

Jadual 4 di atas menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi menjelaskan sembilan item mengenai tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Secara keseluruhan, tahap pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang berada pada tahap yang paling tinggi iaitu para peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi sangat kerap mengamalkan sikap toleransi beragama bersama para pelanggan dan peniaga meskipun berlainan agama. Sikap yang diamalkan oleh peniaga tersebut merujuk kepada aspek pergaulan dan hubungan di antara peniaga dan pelanggan yang berlainan agama, sikap jujur terhadap pelanggan dan peniaga yang berlainan agama serta sikap bantu membantu pelanggan dan peniaga yang berlainan agama.

Hasil daripada analisis kajian di atas mendapat bahawa pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga menunjukkan bahawa peniaga bergaul dengan baik

bersama para pelanggan dan peniaga lain di sekitarnya tanpa mengira bangsa, agama dan budaya. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji di mana item C7 mencapai skor min tertinggi iaitu ($\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$) dan diikuti dengan item C8 dan C9 yang mana kedua-dua item tersebut mencapai min yang sama banyak iaitu ($\text{min}=4.80$, $\text{sp}=0.407$). Oleh itu, jelaslah bahawa wujudnya pergaulan dan interaksi yang baik antara peniaga sesama pelanggan dan peniaga sesama peniaga yang berlainan agama.

Selain itu, pengamalan sikap jujur terhadap pelanggan dan rakan-rakan peniaga yang berlainan agama (item C4, C5 dan C6) juga mencapai skor min yang tinggi iaitu ($\text{min}=4.73$, $\text{sp}=0.450$; $\text{min}=4.80$, $\text{sp}=0.407$ dan $\text{min}=4.77$, $\text{sp}=0.430$) dan diikuti dengan pengamalan sikap bantu membantu pelanggan dan peniaga yang berlainan agama (item C1, C2 dan C3) yang mencapai skor min ($\text{min}=4.63$, $\text{sp}=0.490$; $\text{min}=4.40$, $\text{sp}=0.498$ dan $\text{min}=4.47$, $\text{sp}=0.507$). Secara kesimpulannya, jadual di atas menunjukkan bahawa item D2 merupakan item yang mencapai min terendah ($\text{min}=4.40$, $\text{sp}=0.498$) berbanding item-item lain.

Analisis Impak Pengamalan Sikap Toleransi Beragama dalam Kalangan Peniaga di Sekitar Kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

Pengamalan sikap toleransi beragama perlu dikekalkan dalam diri setiap manusia termasuklah peniaga agar nilai dan amalan ini tidak hilang ditelan zaman serta bagi mengekalkan keharmonian sesebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk berbilang kaum dan agama. Ini kerana, negara akan menyaksikan perbalahan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat jika pengamalan sikap toleransi beragama tidak dapat dikekalkan di mana masing-masing tidak dapat bertolak ansur dengan penganut agama lain meskipun dalam hal-hal remeh sekaligus mampu mendatangkan kerugian kepada negara asbab keruntuhan dari pelbagai aspek seperti keruntuhan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya (Khadijah Muda et. al, 2017). Bilamana membicarakan mengenai tahap pengamalan sesuatu sikap; sudah pasti adanya impak daripada pengamalan sikap tersebut, begitu juga dalam pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga ini. Oleh yang demikian, bahagian ini bertujuan untuk menganalisis impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Huraian analisis data terhadap impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Item	F(%)					Min	Sisihan Piaawai
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Sangat Setuju		
1. Sikap bantu membantu mampu menjalin hubungan baik antara peniaga dan pelanggan yang berlainan agama.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
2. Sikap bantu membantu mampu menjalin hubungan baik antara peniaga dan peniaga lain yang berlainan agama.	-	-	-	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77	0.430

3. Sikap bantu membantu mampu mengeratkan hubungan sesama rakan sekerja yang berlainan agama.	-	-	-	6 (20.0)	24 (80.0)	4.80	0.407
4. Bersikap adil dalam timbalan mampu meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap perniagaan.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
5. Sikap tidak menyorokkan barang dagangan mampu memajukan perniagaan.	-	-	-	8 (26.7)	22 (73.3)	4.73	0.450
6. Sikap tidak menjual barang dengan harga yang terlalu tinggi daripada harga semasa mampu mengurangkan beban para pelanggan.	-	-	-	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77	0.430
7. Berbual dengan baik bersama-sama peniaga yang berlainan agama mampu membentuk kemesraan.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379
8. Sikap tidak memburuk-burukkan peniaga-peniaga yang berlainan agama mampu mengeratkan perpaduan antara kaum.	-	-	-	7 (23.3)	23 (76.7)	4.77	0.430
9. Sikap tidak berasa dendki terhadap kejayaan peniaga-peniaga lain mampu melahirkan peniaga yang saling hormat-menghormati.	-	-	-	5 (16.7)	25 (83.3)	4.83	0.379

Jadual 5: Impak Pengamalan Sikap Toleransi Beragama dalam Kalangan Peniaga di Sekitar Kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang.

Jadual 5 di atas menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi menjelaskan sembilan item mengenai impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Berdasarkan jadual di atas, kesemua item mengenai impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang mencapai skor min tertinggi. Item mengenai impak pengamalan sikap bantu membantu pelanggan dan peniaga yang berlainan agama (item D1, D2 dan D3) mencapai skor min ($\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$; $\text{min}=4.77$, $\text{sp}=0.430$ dan $\text{min}=4.80$, $\text{sp}=0.407$). Seterusnya, item mengenai impak pengamalan sikap jujur dalam perniagaan (item D4, D5 dan D6) mencapai skor min ($\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$; $\text{min}=4.73$, $\text{sp}=0.450$ dan $\text{min}=4.77$, $\text{sp}=0.430$), manakala item mengenai impak pergaulan dan hubungan baik antara peniaga dan pelanggan (item D7, D8 dan D9) mencapai skor min sebanyak ($\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$; $\text{min}=4.77$, $\text{sp}=0.430$ dan $\text{min}=4.83$, $\text{sp}=0.379$). Selain itu, jadual di atas menunjukkan bahawa item D1, D4, D7 dan D9 mencapai skor min yang tertinggi ($\text{min}=4.3$, $\text{sp}=0.379$, manakala item D5 pula merupakan item yang mencapai min terendah ($\text{min}=4.73$, $\text{sp}=0.450$) berbanding item-item lain. Secara kesimpulannya, jadual di atas jelas menunjukkan bahawa impak pengamalan sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di sekitar kawasan Mengkuang Titi, Pulau Pinang mampu menjalinkan hubungan baik antara peniaga dan pelanggan serta peniaga dan peniaga lain di kawasan sekitarnya, memupuk kemesraan dan mengeratkan perpaduan antara kaum sama seperti kajian lepas yang dilakukan oleh Khadijah Muda et.al (2017).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa peniaga-peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang mengamalkan sikap toleransi yang tinggi dengan adanya pergaulan yang baik bersama rakan-rakan peniaga dan pelanggan yang berbeza agama, sikap bantu membantu agama lain serta sikap jujur terhadap pelanggan dan rakan-rakan peniaga yang berlainan

agama, bangsa dan budaya. Dengan adanya sikap toleransi dalam diri setiap peniaga yang berbilang agama mampu mendorong kepada kemajuan dan keharmonian sesebuah negara serta mewujudkan perpaduan kaum dalam kehidupan harian. Bahkan bukan itu sahaja, pengamalan sikap toleransi beragama juga mampu meningkatkan ekonomi negara sekaligus menjadikan negara Malaysia sejajar dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang ekonomi.

RUJUKAN

Al-Quran.

- Abu Bakar. 2015. Konsep Toleransi dan Kebebasan Beragama. *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Beragama* 7(2): 123-131.
- Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. 2012. Socio-religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. *Global Journal of Human Social Science* 12 (8): 49-54.
- Anis Malik Thoha. 2005. *Tren Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. Jakarta: Perspektif Kelompok GEMA INSANI.
- Anon. 2014. Penduduk Tidak Merasakan Azan Terlalu Kuat. *Astro Awani*, 15 April: 1.
- Anon. 2015. Kronologi Kes Gereja Roman Katolik Guna Kalimah Allah. *Astro Awani*, 21 Januari: 1.
- Creswell, J. W. 2014. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Edition. Harlow: Pearson Education Limited.
- Dearana Morshidi. 2010. Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian di Bahagian Miri, Sarawak. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Enizahura Abdul Aziz. 2020. Toleransi Berprinsip Menurut Kerangka Maqasid Shari'ah dalam Interaksi Masyarakat Pelbagai Kaum dan Agama di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan* 2 (4): 19-26.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Current Population Estimates, Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul_id=dTZXanV6UUdyUEQ0SHNWOVhpSXNMUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09 [5 Ogos 2023].
- Karmini, A. N. 2013. Framing Moral Panic: A Comparative Analysis of the Alvin & Vivien Sex Blog Coverage by The Star and Malaysia Kini. In Asian Media Information and Communication 2013.

- Khadijah Muda, Khairul Anwar Mastor & Fazilah Idris. 2017. Pengalaman Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5(1): 100-107.
- Khadijah Muda, Khairul Anwar Mastor, Fazilah Idris & Siti Azhani Tohar. 2019. Faktor Demografi dalam Toleransi Beragama dalam kalangan Belia di Malaysia. *Sains Islami* 2019 4(2): 76-81.
- Mohamad Adib. 2023. Sejarah Kampung Mengkuang Titi, Pulau Pinang. Temu bual, 30 Ogos.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2011. Religious Tolerance in Malaysia : An Overview. *Middle East Journal of Scientific Research* 9(1): 23-27.
- Mutsalim Khareng & Jaffary Awang. 2014. Toleransi Beragama & Implikasinya dalam Kalagan Mahasiswa/I Muslim dan Buddha di Prince of Songkla University. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(2): 1-14.
- Newman, I. & McNeil, K. 1998. *Conducting Survey Research in the Social Sciences*. Maryland: University Press of America.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul'Azmi Yaakob & Nur Solehah Shapiee. 2020. Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia. *Akademika* 90(2): 166-179.
- Nurul Huda Husain. 2019. Ahli Parlimen Kluang Beri Penjelasan Dakwaan Hina Tulisan Jawi. *Sinar Harian*, 12 Ogos: 1.
- Ramli Awang. 2003. *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Samsudin Abd Hamid & Khadijah Mohd Hambali @ Khambali. 2015. Pemeriksaan Keharmonian Masyarakat Beragama: Rujukan Pendekatan Al-Biruni Berdasarkan Karyanya Kitab Al-Hind. *Journal of Aqidah & Islamic Thought* 16 (Januari-Jun 2015): 1-30.
- Siti Marpuah, Chan Jun Wei, Heru Saiful Anwar, Nur Kholis, Akhyak & Intan Farhanan. 2021. Kepentingan Toleransi Beragama dalam kalangan Pelajar Universiti. *Journal of Social Transformation and Regional Development* 3(1): 55-63.

Zainudin Awang. 2014. *A Handbook on SEM: For Academicians and Practitioners.* Selangor: MPWS rich resources.